

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini rancangan untuk memasang *body camera* ke atas setiap anggota polis yang menjalankan tugas. Nyatakan kos yang terlibat setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perolehan kamera badan (*body worn camera*) bagi kegunaan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *Rolling Plan 1*. Perolehan ini sedang dalam peringkat **memuktamadkan spesifikasi** dan akan dipelawa kepada semua pembekal yang layak secara tender terbuka melalui Sistem ePerolehan. Kos bagi perolehan ini dianggarkan berjumlah **RM30 juta**.